

---

[BIL. 52 OKT 2019](#)



The logo features the word "CREATE" in large, bold, white capital letters. The letter "R" is partially yellow, while the rest of the letters are white. Below "CREATE", the word "e-newsletter" is written in a smaller, italicized, lowercase white font.

## **UMP dan Institusi Jerman jalin kerjasama lonjak pendidikan**

Universiti Malaysia Pahang (UMP) jalin kerjasama dengan Pusat Kecemerlangan Asia bagi Teknologi Pintar (ACES) bagi mengukuhkan kerjasama dalam bidang berkaitan Revolusi Industri (IR 4.0), teknologi pintar dan pembangunan sumber manusia di Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan juga Asia Tenggara.

ACES merupakan pusat usaha sama antara ECERDC dan TUM International GmbH Jerman dalam mencipta industri serta universiti dalam meningkatkan kemahiran, latihan teknologi pintar dan perundingan terutamanya dalam automasi.

---

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff menandatangani Memorandum Perjanjian (MoU) bersama Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Baidzawi Che International GMBH Jerman, Daniel Gottschald pada 17 Oktober 2019 yang lalu di Jerman.

Hadir sama menyaksikan majlis ialah Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik yang dalam rangka

"Kerjasama ini dapat memanfaatkan UMP dalam berkongsi kepakaran bagi menepati keperluan industri pada masa hadir dan masa depan. Kegiatan kerjasama ini akan dilaksanakan terutamanya berkaitan produk pengkomersialan, program eksekutif 4.0 dan program pelajaran," ucap Profesor Ir. Dr. Wan Azhar.

Bersempena kunjungan rasmi delegasi UMP ke Jerman ini juga menyaksikan UMP menjalinkan kerjasama dengan University of Applied Science (HsKA), Jerman dan The Knowledge [Foundation@Reutlingen](#) University Germany.

Mewakili HsKA adalah Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Mekatronik, Profesor Dr. Robert Weisner dan Dr. Daniel Palm.

Program ini adalah hasil kesinambungan daripada program dwijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif

---

Mekatronik yang kini diperluas dengan penawaran program baharu bagi dwijazah sarjana dalam bidang Kejuruteraan Mekatronik.

Ia bakal memanfaatkan masyarakat di negara ini dalam mengembangkan model pendidikan Kejuruteraan Mekatronik dalam sistem pendidikan Kejuruteraan di universiti ini.

Keberkesanan sistem ini dalam melahirkan graduan Kejuruteraan yang kompeten di Jerman dilihat sebagai menerajui pendidikan kejuruteraan yang sesuai sebagai salah satu daripada empat buah Universiti Awam Terbaik di Malaysia (MTUN).

---

## ***Food Bank Siswa UMP bantu mahasiswa***

Inisiatif *Food Bank* Siswa dalam menyalurkan bantuan lebihan makanan kepada mahasiswa mendapat sambutan yang baik dan meringankan bebanan kos sara hidup yang ditanggung oleh mahasiswa dalam dan luar kampus.

Bagi pelaksanaan program ini, UMP menggunakan konsep *Food Pantry* yang digerakkan oleh Sukarelawan dan sukarelawan.

*Food Bank* Siswa UMP telah dilancarkan pada 16 Oktober 2019 yang lalu oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Sumber Asing, YBhg. Dato' Seri Saifuddin Nasution Ismail bersempena Majlis Wacana Bersama Menteri dan Pelancaran *Food Bank* Siswa UMP di Gambang.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yusarie Zainudin, Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian Pengurusan dan Kepenggunaan Produk dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rostam Affendi Dato' Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif UMP.

Menurut Datuk Seri Saifuddin, kementerian melalui Yayasan *Food Bank* Malaysia telah mengambil inisiatif untuk terlibat bukan sahaja pasar raya malah pengeluar produk makanan, restoran dan hotel dengan penggerak untuk memberikan bantuan makanan kepada pihak universiti.

---

"Inisiatif *Food Bank* Siswa ini berkonsepkan 'Daripada Mahasiswa kepada Mahasiswa' yang mana kita dalam menjayakan *Food Bank* Siswa ini terutamanya dari Persatuan-persatuan Pelajar untuk sama memerlukan," katanya.

Program ini telah dilancarkan di 17 buah Universiti Awam (UA) dan UMP merupakan universiti ke-18 yang

Sehingga kini, seramai 6,570 pelajar dari seluruh UA termasuk 1,400 di UMP telah menerima manfaat darip

Pihaknya juga berbesar hati dengan penglibatan Tunas Manja Group, 99 Speedmart Sdn. Bhd., Adabi Ku Enterprise, Hock Ho Hiap Kee Oil Mill Sdn. Bhd., Nurfirman Sdn. Bhd., Nirwana Group, Gardenia Bakeries dan Syarikat Gean Ming Sdn. Bhd. sebagai rakan penaja bagi program ini.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, dalam menjayakan usaha ini, Portal sepenuhnya oleh pelajar sendiri bagi mendapatkan maklumat terkini berhubung UMP *Campus Pantry*.

"Ia bukan sahaja memudahkan orang perseorangan atau alumni untuk menyumbang dalam bentuk wang ri

"Sehingga kini, seramai 1,400 orang pelajar B40 yang telah menerima manfaat daripada *Campus Pantry* ini dihadapi oleh mereka terutamanya di penghujung semester.

"Sejak beroperasinya UMP *Campus Pantry* pelbagai program telah dilaksanakan antaranya jualan amal yang masih elok dijual dengan harga serendah RM1 dan hasil jualan tersebut disumbangkan kepada *Camp*

Tambah beliau lagi, potongan gaji bagi staf UMP pula adalah sebagai galakan dalam menyumbang melalui

---

"Begin juga dengan inisiatif *Food For All* iaitu makanan percuma di masjid disediakan pada setiap Isnin hingga Khamis untuk berbuka puasa (iftar jamaie) di masjid UMP.

"Bukan itu sahaja inisiatif Projek Kongsi Rezeki memberi peluang pelajar mendapatkan makanan tersebut katanya.

KPDNHEP melalui Yayasan *Food Bank Malaysia* (YFBM) mengalu-alukan penglibatan pelbagai pihak untuk Malaysia sebagai usaha Kementerian menyelamatkan lebihan makanan dan membantu golongan yang memerlukan.

KPDNHEP dan YFBM percaya semangat kesukarelawan yang tinggi dapat dibentuk menerusi program diperluaskan ke 123 lokasi lain termasuk Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Kolej Universiti, Maktabs dan datang.

---

## **Confucius Institute UMP dilancar**

Pelancaran Confucius Institute Universiti Malaysia Pahang (UMP) bukan sahaja berperanan sebagai sebuah institusi akademik, ia juga akan menyediakan silibus pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin dalam pendidikan dan latihan.

Ia turut membantu bakal graduan universiti ini dengan pelbagai kemahiran komunikasi bahasa yang memudahkan mereka dalam mencari pekerjaan dengan lebih luas buat mereka.

Hadir merasmikan penubuhan Confucius Institute (CI) UMP ialah Setiausaha Bahagian, Perancangan dan Pendidikan Malaysia (KPM), Normah Osman pada 14 Oktober 2019 yang lalu di UMP Pekan.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Naib Canselor UMP, Profesor Dr. Ng Chai Seng, Ketua Setiausaha Kabinet dan Ketua Setiausaha Kabinet, Profesor Dr. Mohd Zaini Md. Yusof, Kebudayaan Kedutaan Republik Rakyat China di Malaysia, Feng Jun, Naib Presiden Hebei University of Technology, Profesor Dr. Wang Jun, Ketua Setiausaha Kabinet, Profesor Gui Fuliang dan Pengarah Confucius Institute China, Profesor Gui Fuliang dan Pengarah Confucius Institute UMP, Yong Ying Mei.

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, institut ini akan turut menyediakan ujian kefasihan bahasa Mandarin di peringkat antarabangsa kepada seluruh warga Malaysia.

"Selain itu menawarkan perkhidmatan latihan kepada guru bahasa Mandarin dan menjadi pusat penyelidikan

"UMP telah mempunyai Mandarin Language & Culture Centre (MLCC) yang ditubuhkan sejak lapan tahun yang lalu untuk meningkatkan kefasihan bahasa Mandarin dan aktiviti kebudayaan Cina dalam kalangan warga UMP, masyarakat setempat dan kerajaan, badan swasta dan industri sehingga berupaya menjadi pusat rujukan utama berhubung kait dengan Pantai Timur.

"Sokongan pihak KPM, Confucius Institute Headquarter (Hanban) dan Hebei University terhadap pengiktirafan yang amat bermakna kepada seluruh warga universiti untuk meningkatkan inisiatif dan memastikan UMP ini terus relevan dan memberi nilai tambah terutamanya buat pelajar UMP dan pihak luar," ujarnya.

Selain itu juga katanya, institut ini juga berperanan menyediakan perkhidmatan pertukaran pelajar UMP ke China sebagai usaha untuk memberi pendedahan kepada para pelajar terhadap budaya dan amalan kehidupan sivilisasi penglibatan kegiatan kebudayaan dan pergaulan masyarakat tempatan.

Sementara itu, Feng Jun berkata, terdapat 530 buah CI yang terdapat di 155 negara dan wilayah di seluruh dunia yang pertama adalah di Universiti Malaya (UM) yang kini masuk tahun ke-10.

Pihaknya yakin hubungan baik China dan Malaysia ini bakal memanfaatkan bidang pendidikan dan bukan sahaja merupakan Tahun Pelancongan dan Kebudayaan di China.

Dalam pada itu, Normah berkata, pihak kementerian amat menghargai usaha UMP dan Hebei University yang memberi nilai tambah kepada seluruh warga universiti dan juga masyarakat setempat.

Beliau mengharapkan CI ini sebagai gedung ilmu yang dapat diserahkan dan disedari kepentingannya kepada pertukaran budaya, penjanaan ekonomi dan pengukuhan ilmu pengetahuan dalam bidang Sains dan Teknologi.

"Terdapat tiga lagi Confucius Institute di Malaysia pada masa ini iaitu di UM, Segi University dan Universiti Malaysia Terengganu yang bertujuan meningkatkan kefasihan bahasa Mandarin dan pertukaran kebudayaan dengan negara China.

"Saya percaya UMP sebagai sebuah universiti teknikal dapat menggarap pelbagai peluang hasil perwakilan dan perkongsian kepakaran teknikal dan juga perpindahan teknologi, pengetahuan, pembangunan dan penyelidikan memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

"Selain itu, usaha ini juga bakal menjayakan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa dalam membangun silang budaya dan teknologi selain memacu usaha ke arah menggalakkan program mobiliti pelajar serta staf universiti," ujar beliau.

Bersempena dengan itu juga, UMP turut menganjurkan Festival Seni Budaya Malaysia-China melibatkan pelbagai aktiviti seperti pameran seni rupa, pameran warisan Cina, pertunjukan drama dan tarian, serta seminar dan pameran warisan Cina.

## **Festival Seni Budaya Malaysia-China pamer warisan seni kebudayaan**

---

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT.

Penganjuran Festival Seni Budaya Malaysia-China 2019 yang diadakan bersempena pelancaran Confucius Institute di Universiti Malaysia Pahang (UMP) dapat meningkatkan kemahiran berbahasa Mandarin dan pertukaran budaya malahan dapat memperkuat serta kolaborasi antara Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan rakan strategik, Hebei University China.

Festival yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 12 Oktober 2019 yang persembahan kebudayaan dan warisan Cina termasuk kesenian kaligrafi, lukisan, persembahan seni tari Tionghoa seperti Taichi dan Wushu serta penganjuran forum yang dilihat sebagai medium perkongsian budaya yang boleh dibanggakan masyarakat di negara ini.

Hadir merasmikan majlis Dekan Perkhidmatan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr. Mansor

Hadir sama Timbalan Pengarah International Cooperation & Exchange Office, Hebei University, Profesor Sukan & Kebudayaan, Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Abu Bakar, Pengurus Besar Jabatan Hal Ehwal Akademik, Pengarah Confucius Institut UMP, Yong Ying Mei dan Pengarah Confucius Institute China, Profesor Guo F

Menurut Dr. Mansor, keunikan masyarakat majmuk di Malaysia dapat menarik minat para pelancong menyaksikan kepelbagaian warisan etnik yang menjadi kebanggaan bersama.

"Dalam hubungan ini, para mahasiswa yang berada di dalam kampus mempunyai kewajipan untuk menyaksikan kepelbagaian warisan etnik yang sebenarnya melalui gerak kerja yang dijalankan.

"Wawasan Kemakmuran Bersama yang mendasari pentadbiran Malaysia pada hari ini merupakan rujukan belajar menghargai kepelbagaian yang ada sebagai landasan pemerkasaan bangsa Malaysia," katanya.

Sementara itu turut diadakan forum kebudayaan Malaysia-China yang disampaikan oleh Dr. Fan Yuguan Rahman Hamzah daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sementara Mohd Zaki Ahmad selaku mod

Turut diadakan pameran seni budaya yang menampilkan pameran seni budaya, penggunaan chopstick Malaysia di samping pelbagai jenis persembahan kebudayaan melibatkan mahasiswa di kedua-dua univers

## **Kejayaan yang tertangguh, Amir Ashraf bangkit bersama**

Bak kata pepatah, di mana ada kemahuan di situ ada jalan, begitulah perumpamaan yang sesuai dengan kisah Amir Ashraf Hamzah. Pengerusi dan CEO di Green Energy Engineering Sdn. Bhd., Amir Ashraf Hamzah, 35 yang bangkit meneruskan perjuangan dalam perniagaan bersama dengan usahawan yang berjaya.

Bermula dengan pengalaman yang sukar, anak muda yang berasal dari Kampung Tok Hakim Padang Melaka ini pernah diduga suatu ketika dahulu berdepan situasi tiada langsung wang di tangan untuk membeli susu bu

Pelajar lepasan Ijazah Sarjana Muda Elektrik dan Elektronik, Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada tahun 2005 ini akhirnya berhasil membuka syarikat sendiri sejak kecil lagi.

Kini, impiannya terlaksana berkat usaha dan doa kedua ibu bapa, keluarga dan sokongan insan sekeliling.

Anak kepada pasangan Tuan Haji Hamzah Othman dan Hajah Hasmah Mohamad ini memilih perniagaan yang suka mencuba benda baharu dan mencabar.

Ujarnya sememangnya pada mulanya beliau mendapat tentangan yang hebat dari orang sekeliling atas kerjaya.

"Kebanyakannya menganggap perniagaan ini berisiko tinggi, namun beliau menganggap ia merupakan sat

"Secara jujurnya, pada mulanya minat saya bukan kepada Kejuruteraan. Tetapi keadaan itu berubah apabila semasa bekerja sebagai jurutera di beberapa buah syarikat di ibu kota.

"Pengalaman berkerja selama lima tahun inilah menjadikan saya memberanikan diri untuk membuka syarikat sendiri dengan nama syarikat Profix Engineering Sdn. Bhd. Pada masa itu, kereta Myvi itulah pejabat pertama saya," ujar Amir.

Namun menurutnya, menubuhkan syarikat ini tidaklah seindah drama yang kita saksikan di kaca televisyen.

"Pada masa itu, saya masih terlalu mentah dalam dunia perniagaan. Namun, langit tidak selalu cerah, ia selalu diduga dengan bebanan hutang serta kehilangan rakan kongsi.

"Ketika itu, saya merasakan dunia ini gelap, nasihat dan dorongan kedua ibu bapa menjadi pedoman.

"Masih segar dalam ingatan saya pesanan ibu pada masa itu untuk jangan putus asa dan teruskan perjuangan perniagaan tapi ia hanya kejayaan yang tertangguh sahaja. Ini menguatkan lagi semangat saya untuk bangun semula.

Beliau turut menasihati agar jangan takut untuk memulakan sesuatu, kerana jika takut menguasai ia akan melangkah.

Pada masa yang sama, kita juga perlu bersama dengan orang-orang yang positif kerana aura positif akan membawa keberuntungan.

Amir Ashraf mengakui perniagaan ini mempunyai banyak cabaran sebab kita akan mudah terdedah dengan masalah.

"Namun, jika kita lihat masalah ini sebagai masalah, kita tidak akan kemana-mana dan ia tetap menjadi masalah."

"Justeru, kita perlu tukar masalah kepada cabaran dan menganggap ia sebagai satu peluang yang kita perlu manfaatkan.

Pengalaman berharga ini banyak dikongsikan dalam ceramah motivasi yang disampaikannya.

Berbekalkan pengalaman seorang jurutera sahaja tidak mencukupi untuk membangunkan sebuah syarikat.

Beliau turut berkongsi tip kejayaan untuk membuka syarikat kejuruteraan dan pembinaan.

"Kita bukan sekadar mempunyai semangat dan pengetahuan, tapi kita juga perlu mempunyai pengalaman dan kreativiti. Kombinasi ini dapat membuka syarikat yang bagus."

"Pada zaman persekolahan, selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) saya telah menyambung pengajian di universiti dan menyambung pengajian dalam bidang Kejuruteraan Elektrik UMP," katanya.

Hasil perkongsian hidup dengan isterinya, Syarifah Mahfudzah Syed Mafdzot, 34 mereka dikurniakan tiga orang anak iaitu Raudhah, 4, dan Amir Ar-Rayyan, 3.

Kini, Profix Engineering Sdn. Bhd. mempunyai seramai 12 staf yang terdiri daripada jurutera, penyelia dan teknisi di kantor pusat di Bandar Baru Kembangan, Selangor.

Selain memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan Profix Engineering Sdn. Bhd., beliau kini merupakan Ahli Jawatankuasa Pengurusan (AJPU) dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan (AJPU) untuk Platform (INAP) UMP, Penasihat Industri untuk Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) Dungun, dan Consultant untuk Istana Negara, One Menerung Condominium Bangsar dan Sri Penaga Condominium Baru.

# Sidang Editorial

## PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff  
[nc@ump.edu.my](mailto:nc@ump.edu.my)

## KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin  
[zmh@ump.edu.my](mailto:zmh@ump.edu.my)

## EDITOR

Safriza Haji Baharuddin  
[safriza@ump.edu.my](mailto:safriza@ump.edu.my)

## WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit  
[mimirabitah@ump.edu.my](mailto:mimirabitah@ump.edu.my)

Nur Hartini Mohd Hatta  
[nurhartini@ump.edu.my](mailto:nurhartini@ump.edu.my)

Nor Salwana Mohammad Idris  
[salwana@ump.edu.my](mailto:salwana@ump.edu.my)

## PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN  
[mohdsuhaimi@ump.edu.my](mailto:mohdsuhaimi@ump.edu.my)

## PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid  
[noorazhar@ump.edu.my](mailto:noorazhar@ump.edu.my)

## JURUFOTO

Khairu Aidilnishah Rizan Jalil  
[khairul@ump.edu.my](mailto:khairul@ump.edu.my)

Muhammad Naufal Samsudin  
[naufal@ump.edu.my](mailto:naufal@ump.edu.my)

## PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz  
[lin@ump.edu.my](mailto:lin@ump.edu.my)

Sidang Editorial berhak melakukan diterima untuk penyiaran selagi tidak disiarkan tidak semestinya mengga dan sikap Buletin e-CREATE. Karya semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan semuanya dikembalikan. Sumbangan karya berikan kepada penerbit di:

## EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur  
Tel.: 09-424 5000  
Faks: 09-424 5055  
e-Mel: [safriza@ump.edu.my](mailto:safriza@ump.edu.my)

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University  
[www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)



- 77 views

[View PDF](#)

[Newsletter Image](#)

# CREATE

e-newsletter



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

